

**Pilihan raya umum Jun?
Utusan Online
15 April, 2012
Oleh Zulkiflee Bakar**

PERGILAH ke mana sahaja sama ada pejabat kerajaan mahu pun warung kopi, topik paling hangat yang menjadi perbincangan sekarang ialah bilakah pilihan raya.

Pelbagai pihak membuat ramalan ada yang berkata pada bulan Jun, ada yang berkata sebaik sahaja selesai pertabalan Yang di-Pertuan Agong Rabu lalu dan ada pula yang mengatakan bulan Oktober.

Semua pihak berhak membuat andaian tetapi apa yang pasti hanya Allah SWT sahaja yang maha mengetahui dan akan memberi ilham kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bila sepatutnya Pilihan Raya Umum Ke-13 patut diadakan.

Tetapi seorang teman yang bertugas dengan seorang menteri kanan memaklumkan kepada penulis bahawa 'bosnya' telah memberi arahan dan taklimat kepada mereka seolah-olah pilihan raya umum sudah terlalu dekat.

"Kalau tengok kepada arahan yang dikeluarkan dan persiapan yang dibuat terutamanya dalam menangani isu, rasanya bulan Jun pilihan raya akan diadakan," kata teman tersebut.

Di kalangan ramai penganalisis politik yang berbual dengan penulis pula, mereka sepakat bahawa biar pun ada beberapa isu yang perlu diselesaikan oleh BN namun merasakan pilihan raya tidak boleh diadakan lebih daripada bulan Jun.

"Momentum ke arah pilihan raya sememangnya semakin ketara dan bertambah panas, ini jelas apabila kita melihat BN dan pakatan pembangkang yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan Pas sering berbalas-balas kenyataan dalam sesuatu isu.

"Ada ketikanya kita melihat BN defensif dan ada ketikanya kita nampak pembangkang terlalu defensif, semua ini membuktikan bahawa pilihan raya semakin dekat, " kata penganalisis politik, Prof. Datuk Dr.Mohamed Mustafa Ishak ketika dihubungi.

Beliau berkata, dalam menghadapi serangan pembangkang, BN tidak boleh memandang rendah keupayaan pakatan berkenaan, ini kerana menurut beliau, kelompok tersebut sememangnya bijak menimbulkan keraguan terhadap apa juga usaha kerajaan.

"Pembangkang sengaja menimbulkan sesuatu isu semata-mata untuk mewujudkan keraguan di kalangan rakyat, itu sahaja, bagi mereka kalau rakyat sudah ragu dengan usaha kerajaan ia sudah mencukupi," katanya.

Sememangnya itulah sikap pembangkang, oleh kerana mereka melihat pilihan raya umum akan datang sebagai pertarungan hidup mati terutamanya sebagai langkah terakhir bagi meletakkan pemimpin pujaan mereka, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri, maka mereka bersedia melakukan apa sahaja bagi memburuk-burukkan kerajaan BN. Sebab itulah, kita saksikan bagaimana tiada satu pun tindakan kerajaan akan mendapat pujian pembangkang, sebaliknya mereka mencari isu supaya rakyat akan meragui usaha kerajaan.

Fakta sebenar

“Begitu juga dalam isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), mereka cuba bangkitkan isu kononnya adalah mustahil kerajaan tidak boleh mansuhkan pinjaman berjumlah RM43 bilion.

“Mereka bangkitkan isu mengenai sesetengah negara yang memberi pendidikan percuma tetapi soalnya pernahkah mereka bentangkan perbezaan pertumbuhan ekonomi negara itu dengan Malaysia. Pembangkang bukannya tidak tahu fakta sebenar tetapi sengaja menyembunyikannya bagi menimbulkan keraguan di kalangan rakyat,” kata Mohamed Mustafa.

Atas sebab itu, beliau mengingatkan BN supaya tidak memandang remeh isu PTPTN kerana ia melibatkan golongan pengundi muda yang mungkin mudah terpengaruh dengan dakwah pembangkang.

Turut menjadi perhatian ialah sejauh manakah BN akan mampu memastikan keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang menyaksikan parti itu kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen, tewas di Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Perak (selama 11 bulan) tidak akan berulang dan ramai juga tertanya-tanya bolehkah kali ini UMNO menawan semula Kelantan?

Setakat ini ramai yang melihat bahawa momentum sokongan kepada BN semakin meningkat termasuk di kalangan pengundi Cina yang dikatakan meninggalkan parti itu pada tahun 2008. Namun begitu, setakat ini tiada siapa pun boleh meramalkan ke manakah arah tuju pengundi Cina, apakah terus meninggalkan BN dan menyokong pembangkang atau kembali kepada BN.

“Tetapi apa yang pasti sudah ada peningkatan sokongan pengundi Cina kepada BN dan keadaan ini sepatutnya memberi isyarat kepada pembangkang supaya jangan terlalu yakin bahawa pengundi Cina masih bersama mereka.

“Ini memandangkan sikap pengundi Cina tidak boleh diramalkan, mereka hanya akan membuat keputusan di saat-saat akhir seperti mana berlaku pada tahun 2008,” kata Mohamed Mustafa.

Berdasarkan satu maklumat yang diterima oleh penulis, sokongan pengundi-pengundi Melayu kepada BN semakin meningkat, begitu juga sokongan kaum India yang dikatakan sudah kembali kepada parti itu.

Keadaan ini dikatakan akan memberi peluang cerah kepada BN untuk menawan kembali Kedah dan Selangor mengekalkan pemerintahan di Perak serta berupaya menamatkan kepimpinan Pas di Kelantan.

Segala-galanya dikatakan berlaku berikutan kegagalan pembangkang menunaikan janji-janji yang dibuat semasa pilihan raya umum lalu dan di dalam pembangkang sendiri terdapat perpecahan yang cukup ketara bukan sahaja di kalangan pemimpin tetapi juga di peringkat akar umbi.

“Selain itu, pengundi Melayu melihat pemimpin-pemimpin Melayu di dalam pembangkang terutamanya Pas semakin tidak konsisten dalam perjuangan mereka dan bersedia melakukan apa sahaja semata-mata untuk meraih undi,” kata satu sumber kepada penulis.

Mengenai pengundi Cina pula, sumber itu menjelaskan, memang cabaran untuk BN mendapat sokongan golongan berkenaan agak getir tetapi sejak kebelakangan ini mereka mula menunjukkan tanda sokongan yang cenderung kepada parti tersebut.

Turut menyentap sokongan pengundi terhadap pembangkang ialah apabila ada dakwaan berhubung pemberian dana dari negara asing.

"Pembangkang terutamanya PKR gagal memberikan jawapan kukuh terhadap dakwaan berkenaan dan ini menguatkan lagi hujah bahawa pemberian oleh pihak asing ini memang wujud," kata sumber tersebut.

Tertekan

Mengulas mengenai kedudukan pembangkang ini, Mohamed Mustafa berpendapat, pembangkang semakin tertekan, mereka sudah tidak lagi selesa seperti mana 2008, sebab itulah, mereka berusaha mencetuskan apa juga isu untuk memastikan apa yang mereka kecapai pada tahun berkenaan kekal

Ia termasuklah merancang mengadakan perhimpunan haram Bersih, dengan matlamat mewujudkan keraguan rakyat terhadap sistem pilihan raya di negara ini.

Namun begitu, penulis yang sempat berbual dengan beberapa pemimpin muda pembangkang ketika di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Jumaat lalu diberitahu, pembangkang sememangnya semakin terdesak untuk menggugat kedudukan BN.

Tambahan pula menurut pemimpin muda tersebut, di kalangan pengikut-pengikut pembangkang sendiri sama ada PKR, DAP dan Pas masih tertanya-tanya sejauh manakah ketiga-tiga parti itu mencapai kompromi dalam pembahagian kerusi.

"Ketika ini pun kita sudah lihat ada pertelingkahan pembahagian kerusi antara DAP dan PKR di Kedah manakala PKR dan Pas bertembung soal perebutan kerusi di Terengganu. "Jadi keadaan ini sudah pastilah menimbulkan persoalan bagaimana di peringkat nasional nanti, siapa yang akan dominan?," kata salah seorang pemimpin muda berkenaan kepada penulis sebelum beliau berlepas ke luar negara.

Selain itu menurut Mohamed Mustafa, turut menjadi faktor paling penting ialah calon. Ini memandangkan pengundi ingin seorang calon yang benar-benar berjiwa rakyat dan mampu berkhidmat dengan baik.

Dalam soal ini kata beliau, sedikit tekanan ada kepada BN memandangkan parti itu perlu memastikan rakyat tidak berasa dipersendakan apabila BN bercakap soal calon boleh menang.

"Kalau BN bercakap soal calon boleh menang tetapi akhirnya hanya meletakkan muka-muka yang sememangnya telah ditolak rakyat termasuk ketua-ketua UMNO bahagian tertentu maka sudah tentulah ini akan 'membahayakan' BN.

"Sebab itulah, saya berpendapat adalah lebih baik BN memastikan calon boleh menang ini adalah terdiri daripada muka lama yang berwibawa dan muka baru yang mempunyai aura bagi menarik perhatian pengundi, dalam kata mudah calon itu bukan sahaja perlu ada 'umph' tetapi juga boleh menyebabkan pengundi berkata, 'wow', apabila namanya diumumkan," katanya.

Apa pun rumusannya, yang pasti Pilihan Raya Umum Ke-13, rakyat akan dihidangkan dengan dua pilihan sahaja iaitu memilih BN yang terbukti telah mensejahterakan hidup mereka selama ini dengan menunaikan segala janji atau memilih pembangkang yang bagaikan menjanjikan bulan dan bintang tetapi rakyat di bawah pemerintahan mereka terus berada dalam keadaan sengsara!

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0415&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm